

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2015

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) cara mana Kerajaan dapat memastikan bahawa aliran wang secara haram ke luar negara selain daripada RM32.1 bilion yang diisytiharkan sah oleh Kerajaan tidak menyebabkan sebarang ketidakseimbangan terhadap ekonomi dan kewangan negara; dan

(b) negara asal pekerja asing dan jumlah kiriman wang dari Malaysia ke negara masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Pada tahun 2011, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menguatkuasakan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (APPW) bagi memperkasakan lagi langkah-langkah yang telah dilaksanakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) bagi memperkukuh perlindungan negara daripada kegiatan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, serta aktiviti haram yang lain.

BNM dengan kerjasama agensi penguat kuasa undang-undang yang lain telah meningkatkan lagi aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan yang bertujuan untuk menghapuskan kegiatan pengiriman wang haram. Sehingga Mac 2015, bilangan pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang telah dikurangkan kepada 407 daripada 839 pada tahun 2011. Walaupun terdapat pengurangan dalam bilangan pemegang lesen, permintaan terhadap perkhidmatan wang termasuk perkhidmatan pengiriman wang dapat dipenuhi oleh pemegang lesen yang sedia ada melalui pertambahan cawangan dan rangkaian ejen.

Pada masa yang sama, usaha juga diambil untuk memperkukuhkan tindakan penguatkuasaan dan mempertingkatkan aktiviti penyeliaan dan pemantauan ke atas pemegang lesen dan penyedia perkhidmatan pengiriman wang haram.

b) Jumlah keseluruhan wang yang dihantar keluar negara untuk ganjaran dan pampasan pekerja di Malaysia melalui bank dan pemegang lesen bukan bank serta destinasi utama kiriman wang keluar untuk tahun 2010 - 2014 adalah sebanyak RM106.09 bilion di mana kiriman wang keluar negara yang dicatatkan pada tahun 2010 dan 2011 adalah masing-masing sebanyak RM13.4 bilion dan RM15.7 bilion. Pada tahun 2012 dan 2013 pula, jumlah kiriman wang keluar negara adalah masing-masing sebanyak RM19.7 bilion dan RM25.1 bilion. Manakala bagi tahun 2014, jumlah kiriman keluar yang direkodkan adalah sebanyak RM32.1 bilion yang telah mencatatkan perkembangan lebih daripada dua kali ganda berbanding nilai yang dicatatkan pada tahun 2010. Ini mencerminkan peningkatan penggunaan saluran kiriman wang secara formal terutamanya melalui pemegang lesen bukan bank. Destinasi utama

kiriman wang keluar adalah Indonesia, Bangladesh, Nepal, India dan Filipina yang merangkumi 47% daripada jumlah kiriman wang keluar pada tahun 2014.

Pada akhir tahun 2014, terdapat 34 pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang dan 219 ejen yang menyediakan perkhidmatan pengiriman wang melalui lebih daripada 2,200 premis yang beroperasi di seluruh negara.